

PENTAKRIFAN “RITUAL AMPARAWAK” DI KALANGAN MASYARAKAT MURUT TAHOL DI SABAH: SOROTAN LITERATUR

DEFINITION OF “AMPARAWAK RITUALS” AMONG THE MURUT TAHOL COMMUNITY IN SABAH: A HIGHLIGHT

Rozaliza Binti Rosly

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Malaysia Sabah

Rozaliza_rosly_ma21@iluv.ums.edu.my

Tarikh Diserah: 20 September 2023

Tarikh Diterima: 01 November 2023

ABSTRACT

This "amparawak ritual" has been the subject of academic discussion in previous research. However, the majority of studies that discuss "amparawak rituals" continue to explain them specifically based on the type of activity without delving further into what amparawak defines in general, making it difficult to explain this ritual in general without the support of the type of activity that incorporates it. Meanwhile, the Murut Tahol community not only practices the ceremonies and activities that constitute the amparawak ritual in the Nabawan area but also neighbouring districts like the Tenom district. The Murut group residing in several locations has highlighted the differences in ritual names and methods of implementation, which make it more difficult to figure out the definition of amparawak. Thus, this article will conduct a review of the literature on writings related to “amparawak rituals” and reclassify the definition of amparawak rituals. The findings showed that the definition of amparawak is an act of smearing the blood of an animal whether on the human body, property, or plants, and this ritual is aimed at calming the spiritual world and instilling peace among Murut Tahol's soul. The Murut Tahol community hopes that by doing these rituals, they will be shielded from misfortunes like accidents, illnesses, and unproductive plants due to the outcome of the spiritual world's form of anger because of the disrespect towards the adat.

Keywords: *Amparawak rituals, Murut Tahol, ceremony, Sabah, Borneo, Malaysia*

ABSTRAK

Perbincangan berkaitan “ritual *amparawak*” ini sudah pernah dibahas dalam kajian-kajian terdahulu dalam kalangan ahli akademik. Walaubagaimanapun, kebanyakan kajian yang membincangkan mengenai “ritual *amparawak*” terus menjelaskannya secara spesifik berdasarkan kepada jenis aktiviti tanpa mendalami maksud *amparawak* secara umum menyebabkan penjelasan mengenai ritual ini agak sukar untuk dibahas secara umum tanpa sokongan daripada jenis aktiviti yang menyelitkan ritual ini. Tambahan pula, upacara mahupun aktiviti yang menyelitkan ritual *amparawak* ini diamalkan bukan sahaja masyarakat Murut Tahol yang tinggal di daerah Nabawan tetapi juga di daerah lain seperti daerah Tenom. Perbezaan dari segi nama ritual dan cara pelaksanaan yang ditonjolkan oleh masyarakat Murut yang tinggal di kawasan berbeza ini menambahkan lagi kesukaran dalam mencari tahu definisi bagi *amparawak*. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menjalankan sorotan literatur terhadap penulisan-penulisan berkaitan “ritual *amparawak*” dan mengklasifikasikan semula pendefinisian ritual *amparawak*. Hasil dapatan kajian menunjukkan definisi *amparawak* ialah satu perbuatan mencalitkan darah binatang “*smearing animal blood*” sama ada pada anggota badan, harta benda mahupun tumbuh-tumbuhan dan ritual ini bertujuan untuk menenangkan dunia spiritual dan *inaning* masyarakat Murut Tahol. Dengan ritual ini tentunya diharapkan oleh masyarakat Murut Tahol agar terlindung daripada sesuatu perkara yang buruk berbentuk musibah seperti kemalangan, penyakit, hasil tanaman yang tidak menjadi yang menyebabkan kepada kebuluran. Musibah ini dipercayai oleh masyarakat Murut Tahol sebagai kesan daripada bentuk kemarahan dunia spiritual akibat daripada pelanggaran *adat* yang telah ditetapkan oleh masyarakat ini.

Kata kunci: ritual *amparawak*, Murut Tahol, upacara, Sabah, Borneo, Malaysia

Pengenalan

Masyarakat Murut Tahol adalah salah satu daripada 12 sub-etnik yang mewakili rumpun keluarga Murutik dimana masyarakat ini mendiami kawasan tanah tinggi pedalaman selatan di Sabah bermula daripada kawasan Tomani, Rundum, Tenom dan berkembang ke Sepulut dan Pensiangan Rutter (1922). Namun, perubahan yang berlaku dalam masyarakat ini mula kelihatan apabila kepercayaan tradisi dan banyak upacara agama masyarakat terdahulu mula ditinggalkan, digantikan malah disesuaikan dengan agama baru yang dianuti pada hari ini. Abd. Hakim Mohad dan Ros Aiza Mohd Mokhtar (2017) menjelaskan, masyarakat Murut Tahol mula mengalami perubahan setelah kedatangan agama Kristian yang mana perubahan dari segi kepercayaan tradisi dan ritual termasuklah ritual *amparawak* mula disesuaikan dan tidak kurang juga beberapa elemen dalam ritual tersebut yang digantikan atau ditinggalkan oleh masyarakat ini agar agama Kristian dapat dipraktikkan sepenuhnya.

Artikel ini menjelaskan salah satu amalan yang terdapat dalam masyarakat Murut Tahol sehinggalah ke hari ini dikenali sebagai “*amparawak*” yang diterjemahkan oleh penulis sebagai ialah satu perbuatan mencalitkan darah binatang “*smearing animal blood*” sama ada pada anggota badan, harta benda mahupun tumbuh-tumbuhan dan ritual ini bertujuan untuk menenangkan dunia spiritual dan *inaning* masyarakat Murut Tahol. Dengan ritual ini tentunya diharapkan oleh masyarakat Murut Tahol agar terlindung daripada sesuatu perkara yang buruk berbentuk musibah seperti kemalangan, penyakit, hasil tanaman yang tidak menjadi yang menyebabkan kepada kebuluran. Musibah ini dipercayai oleh masyarakat Murut Tahol sebagai

kesan daripada bentuk kemarahan dunia spiritual akibat daripada pelanggaran *adat* yang telah ditetapkan oleh masyarakat ini. Penjelasan berkaitan *amparawak* ini berdasarkan (i) maklumat yang diperolehi daripada kajian kepustakaan dengan merujuk kepada sorotan literatur berkaitan “ritual *amparawak*”. Isunya, ahli cendekiawan mengikat penakrifan “ritual *amparawak*” kepada sejenis upacara tertentu iaitu dalam konteks upacara rutin atau upacara berbentuk ritual (dengan pengkhususan seperti adanya *Lumahon*(bomoh)) berbanding masyarakat Tahol yang tidak mempunyai satu takrifan mengenai definisi “ritual *amparawak*”. Tujuan artikel ini adalah untuk memberi satu penjelasan yang jelas mengenai definisi *amparawak* agar pemahaman mengenai “ritual *amparawak*” ini kedepannya adalah betul. Pengarang artikel adalah calon pascasiswazah Sosiologi dan Antropologi Sosial dan sedang menulis tesis beliau, pengarang juga adalah anak jati Murut Tahol yang berasal daripada Nabawan.

Jadual 1: Kawasan penempatan masyarakat Murut Tahol di Sabah, Kota Kinabalu



Sumber: diubahsuai daripada kajian Rutter (1922)

Permasalahan Kajian

”Ritual *amparawak*” yang dijelaskan oleh 8 penyelidik bermula dengan kajian daripada A.Sue Harris (1995), A.Sue Russell (1999), Jojo M. Fung (2004), Ismail Hj. Ibrahim (2005), Abd. Hakim Mohad (2011), Normadiyah Nassir (2016), Mestra Lauk (2018), dan kajian terbaru berkaitan ”ritual *amparawak*” yang terdapat dalam kajian Mohamed Fauzi bin Haji Alwee (2019) memberikan satu pengetahuan bahawa kesemua kajian yang menyentuh mengenai *amparawak* diselitkan bersama sejenis upacara sama ada upacara tersebut adalah menyambut kelahiran, perkahwinan, kematian mahupun dalam amalan aktiviti harian masyarakat Murut Tahol. Walau bagaimanapun, setiap daripada upacara ini memfokuskan kepada upacara yang berbeza menjadikan penakrifan dan definisi bagi ”ritual *amparawak*” turut berbeza. Perkara ini menyebabkan penjelasan terhadap maksud secara umum *amparawak* ini sukar diperkenalkan.

Kajian terawal yang membincangkan mengenai ritual *amparawak* ada dijelaskan dalam kajian Sue Harris (1995) menjelaskan dua jenis aktiviti yang menyelitkan ritual *amparawak* apabila terdapat perkahwinan antara keluarga terdekat dan ahli keluarga berpindah keluar daripada rumah panjang untuk membina kehidupan sendiri di tempat lain. Ritual *amparawak* dibuat apabila ada masyarakat Murut Tahol melakukan perkahwinan antara keluarga terdekat yang mana perbuatan tersebut adalah satu perbuatan yang melanggar peraturan masyarakat Murut Tahol dan seolah-olah dihukum oleh alam kerana semua tanaman akan mati dan kampung akan mengalami kepanasan spiritual. Ritual *amparawak* sebagai satu bentuk penebusan dosa bagi mengembalikan keadaan kampung ke keadaan sedia kala. Ritual *amparawak* ini juga dibuat apabila terdapat ahli keluarga yang selama ini tinggal bersama di rumah panjang berpindah keluar untuk membina kehidupan dan tujuan ritual ini adalah sebagai satu simbolik bahawa ahli keluarga yang ditinggalkan ini tidak terasa hati dan merahmati perjalanan mereka.

Di tahun yang berikutnya iaitu pada tahun 1999, A.Sue Russell (1999) mengeluarkan satu buku yang bertajuk *Conversion, Identity, and power the impact of Christianity on Power Relationships and Social Exchanges* yang ada menjelaskan mengenai ritual masyarakat Murut Tahol yang mana ritual tersebut dikenali sebagai *amparawak*. Kajian beliau menerangkan bahawa ritual ini dibuat apabila masyarakat ini mengalami mimpi buruk dan ternampak *omen* (pertanda buruk), pengambilan individu tanpa pertalian darah diangkat sebagai saudara (*adoption*) dan menjadi ahli keluarga dengan melakukan beberapa ritual agar menjadi adik beradik yang dipanggil sebagai (*blood brother*) serta ritual tolak bala dilakukan semasa pemberian berian akhir (*tinauh*) dijalankan yang mana kesemua yang diterangkan oleh A.Sue Russell ini walaupun berbeza namun tujuan ritual tersebut adalah sama iaitu memohon perlindungan daripada kemarahan semangat akibat daripada pelanggaran pantang-larang, *omen* (pertanda) mahupun mimpi buruk yang tidak di ambil serius oleh masyarakat ini yang boleh menyebabkan malapetaka.

Jojo M.Fung (2004) juga menjelaskan bahawa masyarakat ini akan melakukan ritual *amparawak* apabila aktiviti harian mereka iaitu pembinaan rumah dan pembukaan ladang tergendala akibat daripada mimpi buruk dan *omen* (Pertanda) sama ada sebelum mahupun semasa menjalankan aktiviti tersebut dan ritual tersebut dilaksanakan agar melindungi individu yang terlibat daripada perkara yang tidak baik dan apabila segala mimpi buruk dan *omen* (pertanda) terbatal, maka masyarakat ini boleh meneruskan aktiviti seperti sedia kala setelah *amparawak* dilakukan.

Ismail Hj. Ibrahim (2005) mengatakan bahawa ritual *amparawak* ini akan dibuat apabila terdapat individu yang sakit dan fungsi ritual tersebut adalah memanggil semangat walaupun begitu, tidak terdapat penjelasan dengan lebih lanjut mengenai ritual ini dalam kajian beliau dan *amparawak* dijelaskan untuk melengkapi latar belakang masyarakat Murut Tahol berkaitan kepercayaan sahaja.

Berbeza halnya dengan Abd. Hakim Mohad (2011) menerangkan mengenai ritual *amparawak* diangkat menjadi salah satu topik utama dalam kajiannya iaitu upacara *amparawak ra vivit nu padi* (adat mencuci benih padi) serta terdapat juga penjelasan jenis *amparawak* lain yang disentuh untuk memenuhi latar belakang masyarakat Murut Tahol yang tinggal di Ulu Tomani, Tenom iaitu upacara *ampahanak* (menyambut 1 minggu kelahiran bayi), upacara penebusan dosa kerana ada perkahwinan diantara keluarga terdekat, dan pemulihan semangat si balu yang kematian pasangannya yang dilakukan semasa penamatan tempoh berkabung. Jika dilihat daripada beberapa jenis aktiviti yang menyelitkan ritual *amparawak* ini memperlihatkan

bahawa tujuan kepada setiap aktiviti ini adalah untuk membersihkan daripada unsur tidak baik, melindungi, memulihkan semangat serta sebagai penebusan dosa untuk mengembalikan keharmonian antara dunia spiritual dan dunia manusia dan kesemua aktiviti ini dilakukan bukan sahaja keatas manusia tetapi juga kepada tanaman.

Normadiyah Nassir (2016) pula menjelaskan bahawa ritual *amparawak* akan dibuat apabila terdapat masyarakat Murut Tahol yang terganggu tempat tinggal semangat semasa mereka menjalankan aktiviti memburu, membuka ladang atau menanam tanaman. Tujuan daripada ritual ini dibuat adalah untuk sentiasa menjaga keharmonian antara dunia manusia dan dunia spiritual. Manakala, Mestra Lauk (2018) mengatakan bahawa ritual *amparawak* dibuat untuk memulihkan semangat individu yang melakonkan watak si mati dalam upacara *angukas* (upacara melakonkan watak si mati pada hari terakhir *ahulir*) tujuan daripada ritual tersebut dibuat adalah sebagai satu bentuk perlindungan dan tolak bala kepada individu yang melakonkan watak si mati agar individu ini tidak pendek umur kerana ditangisi oleh ahli keluarga si mati yang mana masyarakat mempercayai individu yang masih hidup tersebut tidak boleh ditangisi secara berlebihan atau teresak-esak kecuali semasa adanya kematian sebagai simbolik menunjukkan kasih sayang mereka kepada yang meninggal dunia.

Kajian terbaru yang menyentuh mengenai ritual *amparawak* ini ialah kajian Mohammed Fauzi Haji Alwee (2019) membincangkan ritual *amparawak* semasa *tinauh* (penghantaran berian akhir). Dua jenis *amparawak* yang akan dilakukan dalam upacara ini iaitu tolak bala dan *manuk ra pangalasan* (penyembelihan ayam) dengan tujuan agar upacara tersebut menolak bala agar tidak berlaku sebarang malapetaka dan memberikan pemberkatan kepada kedua pengantin agar jaminan hidup menjadi aman dan damai serta ikatan kekeluargaan yang terjalin akan berpanjangan.

Jika dilihat dalam semua kajian yang memperlihatkan penjelasan secara spesifik mengenai pendefinisian ritual *amparawak* ini juga agak samar dan mengelirukan kerana ritual yang dijelaskan dalam ulasan kajian lepas ini berdasarkan kepada beberapa upacara seperti perkahwinan, kelahiran, kematian mahupun aktiviti harian menjadikan ritual *amparawak* ini lebih kepada pendefinisian khusus bergantung kepada jenis upacara yang tentunya setiap satu upacara ini berbeza pemfokusan dan pemahamannya. Oleh hal yang demikian, kajian literatur yang sudah dijalankan oleh ahli cendekiawan sebelumnya perlu ditinjau balik untuk memahami takrifan umum mengenai ritual *amparawak*.

Metodologi

Usaha penulisan berhubung dengan *amparawak* di kalangan masyarakat Murut Tahol di Sabah sememangnya masih kurang. Memahami kelompangan tersebut, maka artikel ini diupayakan untuk mengetengahkan beberapa sorotan literatur utama bersifat penyelidikan atau disertasi sarjana dan doktor falsafah berhubung kepada masyarakat Murut khususnya masyarakat Murut Tahol yang mana di dalamnya ada membincangkan mengenai “ritual *amparawak*” sama ada secara langsung mahupun sekilas info dimana semua maklumat ini akan diambil kira. Artikel ini mengaplikasikan kajian kepustakaan sepenuhnya menerusi pendekatan kajian kualitatif dengan merujuk kepada sorotan literatur berkaitan “ritual *amparawak*” dan membincangkan penakrifan para penyelidik. Sehubungan dengan itu, penulis menganalisis penjelasan berkaitan “ritual *amparawak*” yang sudah dikaji oleh Sue Harris (1995), A. Sue Russell (1999), Jojo M. Fung (2004), Ismail Hj. Ibrahim (2005), Abd. Hakim Mohad (2011), Normadiyah Nassir (2016),

Mestra Lauk (2018), dan kajian terbaru berkaitan *amparawak* di dalam kajian Mohamed Fauzi bin Haji Alwee (2019) demi mendapat pentakrifan jelas mengenai ritual *amparawak* secara umum.

Dapatan dan Perbincangan

Dapatan utama kajian ini merupakan hasil rumusan daripada pernyataan dalam perbincangan tentang “ritual *amparawak*” yang dijelaskan oleh ahli akademik sebagai suatu fenomena yang bersamaan dengan upacara yang dikaji. Rumusan kepada penjelasan yang diberi oleh para penyelidik mengenai *amparawak* ini boleh diperjelaskan lagi mengikut jadual rajah 1.0 di bawah:

Jadual 1.0: Penjelasan ritual *amparawak* dari segi jenis dan fungsi daripada 8 penyelidik

No.	Nama Penyelidik	Aktiviti masyarakat Murut Tahol yang menyelitkan Ritual <i>amparawak</i>	Tujuan ritual <i>amparawak</i> mengikut jenis <i>amparawak</i>
1.	A.Sue, Harris (1995)	i) perkahwinan antara keluarga terdekat	penebusan dosa bagi mengembalikan keadaan kampung sama seperti sedia kala sekiranya <i>amparawak</i> tidak dibuat maka masyarakat ini percaya dihukum alam kerana semua tanaman akan mati dan kampung mengalami kepanasan spiritual
		ii) Ahli keluarga berpindah keluar daripada rumah panjang untuk membina kehidupan sendiri di tempat lain	Memperbaiki hubungan antara ahli keluarga supaya tidak ada yang terasa hati atau sakit hati bila ada yang keluar daripada rumah panjang
2.	A.Sue Russell (1999)	i) Ahli keluarga atau ahli dalam salah satu masyarakat Murut Mimpi buruk	Tidak ada penjelasan lebih lanjut
		ii) Masyarakat Murut Tahol ternampak <i>omen</i> (pertanda buruk) semasa membina rumah	Masyarakat ini percaya darah yang dikorbankan dalam <i>amparawak</i> akan melindungi mereka dan mereka boleh melindungi membina rumah tersebut
		iii) pengambilan individu menjadi saudara angkat (<i>adoption</i>)	Tidak ada penjelasan lebih lanjut
		iv) pengambilan individu tanpa pertalian darah menjadi sebahagian ahli keluarga melalui <i>blood brother</i>	
		v) Ritual tolak bala dilakukan semasa upacara pemberian akhir berian (<i>tinauh</i>)	Tidak ada sebarang penjelasan dengan lebih lanjut
3.	Jojo M.Fung (2004)	i) aktiviti pembinaan rumah dan pembukaan ladang tergendala kerana masyarakat Murut Tahol melihat <i>omen</i> (pertanda) dan mengalami mimpi buruk berkaitan aktiviti yang akan dijalankan	a) memulihkan keharmonian di kalangan penduduk kampung, dan dunia roh termasuklah dunia kosmos. b) Melindungi individu daripada yang tidak baik yang didapatkan melalui pertanda atau mimpi

4.	Ismail Hj. Ibrahim (2005)	i) Memanggil semangat individu yang sakit	Tidak ada penjelasan lanjut di dalam kajian
5.	Abd. Hakim Mohad (2011)	i) Upacara <i>ampahanak</i> (menyambut 1 minggu kelahiran bayi) ii) Upacara penebusan dosa kerana ada perkahwinan antara keluarga terdekat iii) pemulihan semangat si balu semasa penamatan tempoh berkabung iv) upacara <i>amparawak ra vivit nu padi</i> (adat mencuci benih padi)	Membersihkan bayi baru lahir daripada unsur-unsur tidak baik Menebus dosa kerana telah menyebabkan <i>alasu</i> (kepansan spiritual) dan ketidakseimbangan alam yang menyebabkan kehidupan manusia dijauhkan daripada kedamaian dan kesejahteraan Memulihkan semangat si balu yang baru ditinggal mati oleh pasangannya Pembersihan benih padi daripada unsur yang menjauhkan benih padi ini kepada aru kauli (semangat padi)
6.	Normadiah Nassir (2016)	i) Masyarakat Murut Tahol terganggu tempat tinggal semangat semasa menjalankan aktiviti memburu, membuka ladang dan menanam tanaman	Menjaga keharmonian antara dunia manusia dan dunia ghaib agar semangat tidak marah dan mengganggu masyarakat ini.
7.	Mestra Lauk (2018)	i) pemulihan semangat kepada individu yang melakonkan watak si mati dalam upacara <i>angukas</i> (upacara melakonkan watak dan perwatakan si mati pada hari terakhir upacara ahulir)	Bentuk perlindungan dan tolak bala kepada orang yang melakonkan watak si mati agar orang tersebut tidak pendek umur.
8.	Mohammed Fauzi Haji Alwee (2019)	i) tolak bala dan <i>manuk ra pangalasan</i> (penyembelihan ayam) semasa Upacara <i>tinauh</i> (penghantaran berian akhir) berlangsung	Menolak bala agar tidak berlaku sebarang malapetaka dan memberikan pemberkatan kepada kedua pengantin agar jaminan hidup aman dan harmoni serta ikatan kekeluargaan yang terjalin akan berpanjangan dalam yang sama menolak daripada malapetaka selepas berumah tangga

Sumber: Hasil analisis daripada kajian A.Sue, Harris (1995), A.Sue Russell (1999), Jojo M. Fung (2004), Ismail Hj. Ibrahim (2005), Abd Hakim Mohad (2011), Normadiah Nassir (2016), Mestra Lauk (2018), dan Fauzi Haji Alwee (2019).

Hasil analisis sorotan literatur yang telah dikumpulkan oleh penulis dalam jadual 1.0 ini, menunjukkan bahawa “ritual *amparawak*” ini amat penting dalam kehidupan masyarakat Murut Tahol kerana ritual ini sering kali menyelitkan bersama upacara-upacara yang terdapat dalam kehidupan masyarakat ini. Jika diperhatikan dalam jadual 1.0 upacara-upacara yang dibincangkan melibatkan suatu perubahan yang penting dalam kehidupan masyarakat ini sama ada dalam aktiviti rutin mahupun upacara.

Perkara yang ditunjukkan dalam setiap jenis aktiviti yang menyelitkan ritual *amparawak* ini seperti mana yang dijelaskan oleh Van Gennep (1960) sebagai “rites of passage” dalam kehidupan masyarakat yang ada terdapat dalam kehidupan masyarakat ini juga iaitu *ampahanak* (kelahiran), perkahwinan melalui upacara *tinauh* (permemberian berian akhir), kematian dan tidak kurang juga aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat ini iaitu melakukan pembukaan ladang atau *amparawak ra vivivt nu padi* (mencuci benih padi) sebelum melakukan penanaman padi.

Daripada kesemua penjelasan ritual *amparawak* yang diselitkan dalam pelbagai jenis aktiviti yang terdapat dalam kehidupan masyarakat Murut Tahol ini menunjukkan bahawa masyarakat Murut Tahol ini mempunyai ikatan terhadap dunia spiritual yang amat erat sehingga aktiviti dalam kehidupan harian mereka senantiasa diselitkan oleh ritual yang mana ritual ini berfungsi sebagai satu bentuk perlindungan yang dipercayai oleh masyarakat ini akan dapat mengembalikan keharmonian kepada alam semesta kerana masyarakat ini percaya bahawa setiap malapetaka ataupun peristiwa yang berlaku dalam kehidupan mereka senantiasa berkait rapat dengan dunia spiritual. Hal ini menjadikan mereka senantiasa berhati-hati dan mematuhi segala pantang-larang agar tidak menjadi punca kepada kemarahan dunia spiritual dan salah satu daripada cara masyarakat ini untuk menenangkan kemarahan dunia spiritual atau “*placating the spirit*” adalah melalui pengorbanan binatang yang akan dilakukan dalam setiap ritual *amparawak* dibuat dan pengorbanan yang dimaksudkan dalam ritual ini tidak semestinya mematiikan binatang tetapi terdapat juga yang hanya mengeluarkan darah pada binatang tersebut di bahagian kuku.

Melalui analisis jadual 1.0 berkaitan penjelasan jenis aktiviti yang menyelitkan ritual *amparawak* dan tujuan setiap aktiviti tersebut dibuat telah memberikan satu pemahaman bahawa masyarakat Murut ini menyelitkan ritual *amparawak* adalah untuk mengembalikan rasa selamat dalam diri masyarakat Murut Tahol daripada segala bentuk bencana yang dipercayai berasal daripada kemarahan dunia spiritual. Dengan adanya ritual *amparawak* masyarakat Murut Tahol dipercayai dapat mengembalikan keseimbangan dan keharmonian bukan sahaja dalam dunia spiritual juga dipercayai mengembalikan keharmonian dalam diri setiap masyarakat Murut Tahol seperti mengembalikan rasa selamat dan menghilangkan rasa gelisah serta takut daripada segala bentuk malapetaka sama ada sudah terjadi mahupun belum terjadi.

Pemahaman terhadap tujuan ritual *amparawak* iaitu sebagai satu bentuk menenangkan kemarahan dunia spiritual atau “*placating the spirit*” melalui pengorbanan binatang inilah yang telah membuka titik terang kepada penyelidik untuk meneruskan penganalisan terhadap setiap proses yang diterangkan oleh kelapan penyelidik sebelumnya yang telah menjelaskan mengenai ritual *amparawak* yang wujud di dalam masyarakat Murut Tahol dan penganalisan terhadap proses dalam aktiviti yang menyelitkan ritual *amparawak* ini sebagai satu rangka dalam memahami takrifan umum mengenai apakah yang dimaksudkan dengan terma “*amparawak*”?

Kesemua penjelasan daripada lapan penyelidik iaitu A.Sue,Harris (1995), A. Sue Russell (1999), Jojo M.Fung (2004), Ismail Hj. Ibrahim (2005), Abd. Hakim Mohad (2011), Normadiyah Nassir (2016), Mestra Lauk (2018) dan Mohammed Fauzi Haji Alwee (2019) yang membincangkan mengenai jenis aktiviti yang menyelitkan ritual *amparawak* dan proses dalam setiap aktiviti tersebut dilakukan akan dihipunkan di dalam jadual 1.2 dibawah:

Jadual 1.2: Penjelasan jenis aktiviti dan proses yang menyelitkan ritual *amparawak*

No.	penyelidik	Jenis aktiviti yang menyelitkan ritual <i>amparawak</i>	Proses ritual <i>amparawak</i> dibuat berdasarkan jenis aktiviti
1.	A.Sue, Harris (1995)	<p>i) perkahwinan antara keluarga terdekat</p> <p>ii) Ahli keluarga berpindah keluar daripada rumah panjang untuk membina kehidupan sendiri di tempat lain</p>	<p>Keluarga yang terlibat perlu melaksanakan satu ritual pengorbanan binatang sama ada ayam, khinzir atau kerbau air dan darah daripada ritual perlu dicalitkan kepada kedua belah keluarga antara pihak perempuan dan lelaki.</p> <p>Mereka melaksanakan satu ritual pengorbanan binatang sebagai satu simbol bahawa keluarga yang ditinggalkan tidak terasa hati apabila ahli keluarga yang lain berpindah keluar daripada rumah.</p>
2.	A.Sue Russell (1999)	<p>i) Ahli keluarga atau ahli dalam salah satu masyarakat Murut Mimpi buruk</p> <p>ii) Masyarakat Murut Tahol ternampak <i>omen</i> (pertanda buruk) semasa membina rumah</p> <p>iii) pengambilan individu menjadi saudara angkat (<i>adoption</i>)</p> <p>iv) pengambilan individu tanpa pertalian darah menjadi sebahagian ahli keluarga melalui <i>blood brother</i></p> <p>v) Ritual tolak bala dilakukan semasa upacara pemberian akhir berian (<i>tinauh</i>)</p>	<p>Jika termimpi buruk maka ritual pengorbanan dibuat dan darah tersebut perlu dicalitkan kepada orang yang bermimpi buruk tersebut supaya dapat melindungi individu tersebut.</p> <p>Ketua rumah akan mengorbankan seekor ayam dan darah daripada ayam tersebut akan diletakkan pada setiap ahli keluarga yang akan mendiami rumah tersebut barulah boleh meneruskan kembali pembinaan rumah tersebut.</p> <p>Penerangan dalam kajian ini hanya menerangkan bahawa akan ada ritual pengorbanan dibuat tetapi dari segi proses tidak ada sebarang penjelasan.</p> <p>Tidak ada sebarang penjelasan mendalam berkaitan proses sekadar penjelasan bahawa dalam upacara ini juga terdapat pengorbanan dibuat sebagai satu bentuk tolak bala dan perlindungan kepada upacara tersebut agar tidak berlaku sebarang kejadian yang tidak diinginkan</p>
3.	Jojo M.Fung (2004)	i) aktiviti pembinaan rumah dan pembukaan ladang tergendala kerana masyarakat Murut Tahol melihat <i>omen</i> (pertanda) dan mengalami mimpi buruk berkaitan aktiviti yang akan dijalankan	Pengorbanan binatang sama ada ayam, kerbau air atau khinzir dan kemudiannya darah daripada binatang tersebut perlu dicalitkan kepada individu dan ahli keluarga individu tersebut agar terlindungi daripada kemarahan dunia spiritual
4.	Ismail Hj. Ibrahim (2005)	i) Memanggil semangat individu yang sakit	Tidak ada penjelasan dari segi proses
5.	Abd. Hakim Mohad (2011)	i) Upacara <i>ampahanak</i> (menyambut 1 minggu kelahiran bayi)	a) diketuai oleh <i>lumahon</i> dan dihadiri keluarga terdekat dan <i>lumahon</i> akan membaca mantera: " <i>kalanut kinaulun ri agup</i> " bermaksud: panjangkan usia anak ini.

		<p>ii) Upacara penebusan dosa kerana ada perkahwinan antara keluarga terdekat</p> <p>iii) pemulihan semangat si balu semasa penamatan tempoh berkabung</p> <p>iv) upacara <i>amparawak ra vivit nu padi</i> (adat mencuci benih padi)</p>	<p>b) darah ayam putih akan disapukan pada dahi bayi agar semangat bayi tersebut bertahan dan terhindar daripada semangat jahat (<i>andaau</i>)</p> <p>a) <i>lumahon</i> atau <i>amabas</i> akan mengorbankan binatang ternakan seperti khinzir atau ayam dan darah haiwan tersebut disapukan pada badan saudara terdekat daripada kedua-dua belah pihak.</p> <p>b) <i>lumahon</i> akan membaca mantera agar tanaman mereka dapat mengeluarkan hasil dan berjanji tidak akan berulang hal berkaitan perkahwinan antara keluarga di masa akan datang.</p> <p>c) keluarga yang terlibat perlu mengorbankan seekor kerbau untuk dijamu pada seluruh penduduk kampung.</p> <p>a) Balu perlu menyediakan satu tajau tapai, seekor ayam yang sudah dimasak dan seekor ayam yang masih hidup diikat pada tajau.</p> <p>b) Balu berkenaan akan diminta meminum tapai yang disediakan oleh ahli keluarga lain dan pakaian putih yang dikenakan oleh beliau dalam tempoh berkabung dibuang dan tidak boleh dipakai orang lain kecuali individu yang juga kematian suami/isteri serta adik-beradik akan menghadihkan balu pakaian yang baru.</p> <p>c) <i>lumahon</i> atau <i>amabas</i> akan memotong kuku ayam yang masih hidup yang diikat pada tajau untuk diambil darah dan disapukan pada tapak kaki, dan kerongkong balu untuk memulihkan semangatnya.</p> <p>a) upacara <i>kungkupar usunuh</i> akan dilaksanakan iaitu seekor ayam akan disembelih dan mereka akan membaca mantera: ” <i>ali raino tontofon ku manuk hitu, pamparawak ku ra umoh kutuh, aun karaat ku ra auh rumilik, nantahar, suku ra au angansok tuh, rawaki tuhau ra alaat voui mai anngonggoi ra umoh hitu, kotopo pila nu tanah mai tu ika kasulour karuroa mai</i>”. Maksudnya: sekarang saya sembelih ayam ini sebagai menyucikan ladang ini daripada apa-apa yang tidak baik dari mula saya menebas, menebang, menanam, buanglah segala benda jahat dalam mimpi kami sepanjang mengusahakan ladang ketatkanlah tanah tempat kami tanam padi agar semangat jahat tidak masuk ke dalam ruang tanah kami.</p> <p>b) ayam yang disembelih akan dibiarkan menggelupur agar darahnya terpercik ke seluruh kawasan ladang dengan tujuan untuk menyucikan tanah yang akan diusahakan.</p>
6.	Normadiyah Nassir (2016)	i) Masyarakat Murut Tahol terganggu tempat tinggal semangat semasa menjalankan aktiviti memburu, membuka ladang dan menanam tanaman	a) bagi menjaga perasaan semangat-semangat ini maka masyarakat akan melaksanakan upacara korban seperti memotong ayam, khinzir serta penyediaan makanan seperti nasi bungkus dan beberapa jenis makanan dan diletakkan di kawasan yang dipercayai menjadi kawasan tempat tinggal semangat tertentu.
7.	Mestra Lauk (2018)	i) pemulihan semangat kepada individu yang melakonkan watak si mati	a) ayam akan diberikan kepada individu yang melakonkan watak si mati tetapi sebelum ayam tersebut diberikan kuku ayam tersebut akan dihiris sedikit bagi

		dalam upacara <i>angukas</i> (upacara melakonkan watak dan perwatakan si mati pada hari terakhir upacara ahulir)	mengeluarkan darah dan kemudian darah tersebut akan dicalitkan pada bahagian tapak kaki individu yang melakonkan watak si mati dan perbuatan tersebut bagi memulihkan semangat serta sebagai satu bentuk perlindungan kepada individu ini kerana masyarakat ini percaya bahawa individu yang melakonkan watak si mati ini di tangisi oleh keluarga si mati secara tidak sengaja kerana berjaya memerankan watak si mati (<i>antangan</i>) dan jika ritual <i>amparawak</i> tidak dilakukan akan menyebabkan individu ini pendek umur dan meninggal awal.
8.	Mohammed Fauzi Haji Alwee (2019)	i) tolak bala dan <i>manuk ra pangalasan</i> (penyembelihan ayam) semasa Upacara <i>tinauh</i> (penghantaran berian akhir) berlangsung	a) sebelum pasangan pengantin menaiki <i>sasangiang</i> (pelamin masyarakat Murut Tahol) ketua kampung akan menyebelih ayam jantan dipercayai menjadi bahan pengantara antara dunia manusia dan dunia spiritual sebagai satu bentuk permohonan tolak bala sepanjang upacara <i>tinauh</i> diadakan. b) darah ayam akan dicalitkan kepada kedua belah kaki pengantin sebagai satu simbol untuk jaminan keharmonian hidup bagi kedua pasangan pengantin ini. c) upacara amparawak ini juga sebagai satu bentuk doa memohon kebahagiaan kepada pengantin agar kehidupan rumah tangga mereka berpanjangan dan memohon dijauhi sebarang malapetaka daripada terkena sebarang penyakit misteri yang berhubungan dengan kuasa ghaib yang boleh menyebabkan masalah seperti perceraian. d) ayam yang telah disembelih akan dijadikan sejian kepada penduduk kampung setelah digunakan dalam ritual.


Sumber: Hasil analisis daripada kajian A.Sue, Harris (1995), A.Sue Russell (1999), Jojo M. Fung (2004), Ismail Hj. Ibrahim (2005), Abd Hakim Mohad (2011), Normadiyah Nassir (2016), Mestra Lauk (2018), dan Mohammed Fauzi Haji Alwee (2019).

Melalui analisis daripada kelapan-lapan kajian penyelidik sebelumnya yang telah disusun semula pada jadual 1.2 menjelaskan mengenai jenis aktiviti yang menyelitkan ritual *amparawak* dan proses setiap jenis aktiviti ini memperlihatkan secara jelas bahawa setiap aktiviti ini akan senantiasa menyelitkan ritual *amparawak*. Perkara ini memberikan satu tafsiran bahawa masyarakat Murut Tahol ini meletakkan kepercayaan kepada dunia spiritual iaitu *Aki Kaulung* (Tuhan), semangat serta memberikan sepenuhnya komitmen kepada ketaatan terhadap apa yang mereka percayai tersebut, diletakkan pada tingkat teratas dalam kehidupan mereka. Hal ini dapat dilihat melalui jenis aktiviti yang menyelitkan setiap ritual *amparawak* ini adalah merangkumi segala aspek dan kitaran kehidupan yang masyarakat ini jalani bermula daripada kelahiran, perkahwinan, kematian, aktiviti kekeluargaan sehinggalah aktiviti yang dijalankan pada kehidupan harian masyarakat.

Disamping itu, ketaatan mereka dalam memberikan komitmen keatas apa yang mereka percaya ini juga sangat jelas ditonjolkan melalui setiap proses dalam melaksanakan setiap jenis aktiviti tersebut yang tentunya bukan sahaja memakan masa tetapi juga kewangan masyarakat Murut Tahol. Walaupun begitu, atas komitmen terhadap ketaatan mereka dalam melakukan permohonan sama ada dalam bentuk permohonan maaf, perlindungan atau tolak bala dan pemberkatan ataupun rahmat kepada dunia spiritual yang mereka percayai dapat memberikan

keharmonian kepada alam semesta. Maka, masyarakat ini sedaya upaya menjalankannya. Hasil daripada analisis ini diringkaskan lagi agar lebih mudah difahami dengan lebih jelas melalui rajah 1.0 di bawah:

Rajah 1.0: Hasil analisis Takrifan umum ritual *amparawak* melalui kajian 8 penyelidik.



Sumber: Hasil analisis daripada kajian A.Sue, Harris (1995), A.Sue Russell (1999), Jojo M. Fung (2004), Ismail Hj. Ibrahim (2005), Abd Hakim Mohad (2011), Normadiyah Nassir (2016), Mestra Lauk (2018), dan Mohammed Fauzi Haji Alwee (2019).

Melalui rajah 1.0 telah menunjukkan ringkasan daripada analisis proses yang diterangkan dalam jadual 1.2 daripada lapan penyelidik sebelumnya sangat membantu dalam menentukan persamaan setiap jenis aktiviti yang menyelitkan ritual *amparawak* dan seterusnya memberikan pemahaman bahawa dalam kesemua jenis aktiviti yang dijelaskan oleh kelapan-lapan penyelidik ini memberikan satu takrifan umum yang sangat jelas iaitu *amparawak* merupakan satu perbuatan mencalitkan darah binatang "*smearing animal blood*" sama ada pada anggota badan dan harta benda mahupun tumbuh-tumbuhan untuk menenangkan dunia spiritual dan semangat masyarakat Murut Tahol "*Soothing the spirits and Murut Tahol Soul*".

Pemahaman masyarakat Murut Tahol terhadap *Inaning* ataupun *Murut Tahol Soul* ini lebih mendalam dan meluas yang mana masyarakat Murut Tahol di Ulu Tomani mengistilahkan *inanig* ini sebagai *karuroa* yang mengertikan sebagai semangat yang terdapat dalam diri manusia.

Abd hakim Mohad (2011) menjelaskan bahawa *karuroa* (semangat dalam diri manusia) itu lemah maka *karuroa* akan menyebabkan keuzuran dan begitu juga halnya apabila *karuroa* tersebut pergi meninggalkannya maka badan individu akan mengalami masalah kesihatan yang serius seperti hilang ingatan, lemah anggota badan dan boleh membawa kepada kematian. Oleh itu, *karuroa* perlu dipulihkan dengan cara melakukan ritual demi memulihkan atau memanggil *karuroa* yang meninggalkan jasad. Sekiranya ritual tidak dijalankan maka individu ini akan meninggal dunia.

Daripada pemahaman penyelidik pula, mengenai apakah yang diertikan oleh masyarakat Murut Tahol sebagai *inaning* ialah semangat dalam jiwa setiap masyarakat Murut Tahol mereka percayai kekuatan semangat dalam jiwa masyarakat Murut Tahol ini akan keluar daripada tubuh atau lemah sekiranya terkena malapetaka, atau melanggar adat mahupun pantang-larang sehingga menyebabkan sakit dan boleh berakhir dengan kematian serta kebuluran. Oleh itu, masyarakat ini perlu melakukan ritual yang dipanggil *amparawak* supaya mengembalikan kepada keadaan yang asal semula. Bukan itu sahaja, selain daripada penemuan kepada takrifan umum ritual *amparawak* ini penyelidik juga telah menemui ciri-ciri setiap jenis aktiviti tersebut boleh diklasifikasikan sebagai ritual *amparawak*.

Terdapat tiga ciri utama tersebut iaitu adanya pengorbanan binatang sama ada ayam, khinzir ataupun kerbau air dan setiap kali ritual *amparawak* ini dibuat akan ada yang mengetuai sama ada individu tersebut adalah *lumahon* (bomoh), ketua kampung ataupun ketua rumah mahupun individu yang tertua dalam keluarga yang mempunyai pengetahuan pembacaan mantera yang akan dibacakan semasa ritual *amparawak* dibuat. Ciri ketiga ialah perbuatan mencalitkan darah tersebut bukan sahaja pada anggota badan manusia tetapi juga dicalitkan kepada harta benda dan tumbuh-tumbuhan mengikut kepada jenis aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat ini.

Perkara ini juga disebutkan oleh A.Sue Russell (1999) yang menjelaskan bahawa setiap daripada jenis aktiviti yang menyelitkan ritual *amparawak* ini merupakan satu bentuk peralihan status yang mana setiap daripada peralihan status tersebut masyarakat Murut Tahol percayai terdedah dengan segala bentuk bahaya daripada dunia spiritual. Dengan adanya pengorbanan darah dipercayai oleh masyarakat ini akan melemahkan dunia spiritual dan mengembalikan keharmonian alam semesta. Ditambah pernyataan Jojo M.Fung (2004) mengatakan bahawa *amparawak* ialah satu ritual untuk menenangkan semangat (*placating the spirits*) menggunakan pengorbanan yang melibatkan sama ada ayam, khinzir ataupun kerbau air.

Kesimpulan

Hasil daripada kesemua penjelasan yang telah di buat dalam artikel ini membawa kepada pemahaman yang lebih jelas dan secara tidak langsung memberikan jawapan kepada takrifan umum tentang *amparawak*. Maka, *amparawak* membawa pengertian sebagai ialah satu perbuatan mencalitkan darah binatang "*smearing animal blood*" sama ada pada anggota badan, harta benda mahupun tumbuh-tumbuhan dan ritual ini bertujuan untuk menenangkan dunia spiritual dan *inaning* masyarakat Murut Tahol. Dengan ritual ini tentunya diharapkan oleh masyarakat Murut Tahol agar terlindung daripada sesuatu perkara yang buruk berbentuk musibah seperti kemalangan, penyakit, hasil tanaman yang tidak menjadi yang menyebabkan kepada kebuluran. Musibah ini dipercayai oleh masyarakat Murut Tahol sebagai kesan daripada bentuk kemarahan dunia spiritual akibat daripada pelanggaran *adat* yang telah ditetapkan oleh masyarakat ini. Melalui analisis artikel ini diharapkan penyelidik seterusnya

yang berminat dalam menulis berkaitan ritual *amparawak* ini akan menggunakan penakrifan yang betul mengenai *amparawak* dan lebih baik menghindari penggunaan terma dalam konteks upacara sahaja. Dalam erti kata pemahaman yang lebih mendalam mengenai *amparawak* dapat ditimbulkan dari segi pemaknaan secara simbolik dalam penggunaan bahan dan pelaksanaan jenis aktiviti yang menyelitkan ritual *amparawak* kalangan masyarakat Murut Tahol pada masa kini.

Rujukan

- Abd. Hakim Bin Mohad. (2011). *Perubahan sosial masyarakat Murut Tahol: kajian kes di Kampung Alutok, Ulu Tomani, Sabah*. Universiti Malaysia Sabah: Sekolah Sains Sosial. (Tesis Doktor Falsafah) (Tidak diterbitkan).
- Abd. Hakim Mohad, Ros Aiza Mohd Mokhtar. (2017). *Agama dan Budaya Berpisah Tiada: Tinjauan Terhadap Masyarakat Murut Tahol di Sabah*. International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman) 5(2), 2017: 3-12.
- A. Sue Harris (1990). In Sherwood G. Lingenfelter (1990). *The Tagal Murut* (pp. 39-61). Kota Kinabalu: Sabah Museum and State Archives Department.
- A. Sue Russell (1999). Russell, A. S. (1999). *Conversion, identity, and power: The impact of Christianity on power relationships and social exchanges*. University Press of America.
- Jacqueline Pugh-Kitingan. (2012). *Dalam Kantayya Mariappan, Paul Porodong (2012). Murut & Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM).
- Jojo M. Fung (2004). A Comparative Study of the Semai and the Muruts Shamanic Cultures. *SHAMAN*. Vol. 12 numbers 1&2 Spring/Autumn 2004.
- Harris, Sue Annette (2004). In Jojo M. Fung (2004). A Comparative Study of the Semai and the Muruts Shamanic Cultures. *SHAMAN*. Vol. 12 numbers 1&2 Spring/Autumn 2004.
- Ismail Hj. Ibrahim. (2005). *Symbolisme dalam Motif Kraftangan Suku Kaum Murut Tahol (Tagal)*. Universiti Malaysia Sabah: Sekolah Sains Sosial. (Tesis Doktor Falsafah) (Tidak diterbitkan).
- Mestra Lauk. (2018). *Elemen dan Struktur Teoritik dalam Upacara Ahulir Etnik Murut Tahol di Sabah*. Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan. (Tesis Sarjana) (Tidak diterbitkan).
- Muhamed Fauzi bin Haji Alwee. (2019). *Analisis Estetika Objek Budaya dalam Adat Tinauh Masyarakat Murut Tahol di Sapulut, Sabah*. Universiti Malaysia Sabah: Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan. (Tesis Sarjana) (Tidak diterbitkan).

Normadiyah Nassir. (2016). Mitos dan legenda Murut Tahol dalam konteks perubatan tradisional. Fakulti Kemanusiaan, seni dan Warisan Universiti Malaysia Sabah. (Tesis Sarjana) (Tidak diterbitkan).

Rutter, Owen. (1922). *The Pagans of North Borneo*. London: Hutchinson & Co.

Persidangan

Van Gennep, A. (1960). *Rites of passage*. London: Psychology Press.